

1.0 PENGENALAN

Mesyuarat Eksekutif Khas Bil. 3 Tahun 2025 telah meluluskan DUA(2) inisiatif penerbitan 2025 iaitu **Yuran Artikel Jurnal** dan **Insentif Tunai**. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kuantiti penerbitan sebanyak 1500 artikel jurnal berdasarkan Pelan Strategik UTeM (PSU) 2023-2025. Staf hanya boleh memilih salah satu daripada inisiatif yang disediakan ini.

Seterusnya Mesyuarat Eksekutif Bil 9/2025 Siri 1 telah meluluskan penambahbaikan Penambahbaikan Kadar Yuran Artikel Jurnal Berimpak Tinggi WOS Q1/Q2 (SCIE/SSCI) Di bawah Inisiatif Penerbitan 2025

I. Yuran Artikel Jurnal

Inisiatif pembiayaan yuran artikel jurnal ini merupakan DUA (2) jenis pembiayaan yuran iaitu artikel jurnal berindeks SCOPUS/WOS (terhad RM1,500 atau kadar yuran sebenar, mana-mana yang terendah) atau artikel jurnal berimpak tinggi WOS-Q1/Q2 (terhad RM10,000 atau kadar yuran sebenar, mana-mana yang terendah). Ini termasuk pembiayaan yuran artikel jurnal di **jurnal senarai ERA** (terhad RM1, 000 atau yuran sebenar, mana-mana yang terendah).

II. Insentif Tunai

Inisiatif pembiayaan insentif tunai merupakan bayaran yang diberikan kepada staf untuk menampung yuran penerbitan dan caj perkhidmatan bank yang perlu dijelaskan oleh staf untuk menerbitkan artikel jurnal, terhad sebanyak RM2,000. Staf layak memohon insentif setelah menerbitkan artikel jurnal kedua dalam tahun 2025 sama ada di jurnal berindeks SCOPUS atau WOS. Permohonan untuk membayar yuran artikel menggunakan Yuran Artikel Jurnal tidak dibenarkan. Insentif tunai tidak dibenarkan untuk artikel jurnal di jurnal senarai ERA.

Permohonan terbuka kepada staf akademik UTeM berjawatan Pensyarah, Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor yang berstatus aktif (tidak termasuk cuti belajar, cuti sabbatical, cuti program pasca kedoktoran, cuti latihan/sangkut industri).

Ringkasan kepada inisiatif penerbitan 2025 (yuran artikel jurnal dan insentif tunai) adalah seperti berikut:

Staf Akademik

No.	Bilangan Artikel Jurnal	Kategori Jurnal	Yuran (setiap artikel)	Insentif (setiap artikel)
i.	Pertama SAHAJA	SCOPUS/WOS	RM1.5K	-tiada-
			• Geran • Sumber lain	-tiada-
		WOS-Q1/Q2	RM10K	-tiada-
			• Geran • Sumber lain	-tiada-
		ERA	RM1K	-tiada-
			• Geran • Sumber lain	-tiada-
ii.	Kedua dan seterusnya	SCOPUS/WOS	• Geran • Sumber lain	RM2K
			RM10K atau	RM2K
		WOS-Q1/Q2	• Geran • Sumber lain	RM2K
			• Geran • Sumber lain	-tiada-
		ERA	• Geran • Sumber lain	-tiada-
			• Geran • Sumber lain	-tiada-

Staf Akademik Excellent 40
(Kumpulan Khas Penerbitan)

No.	Bilangan Artikel Jurnal	Kategori Jurnal	Yuran (setiap artikel)	Insentif (setiap artikel)	Nota
i.	Pertama dan seterusnya	SCOPUS/WOS	• Geran • Sumber lain	RM2K	Tuntutan artikel pertama dan kedua akan dibayar pada artikel kedua.
			RM10K atau	RM2K	
		WOS-Q1/Q2	• Geran • Sumber lain	RM2K	
			• Geran • Sumber lain	RM2K	
ii.	Pertama SAHAJA	ERA	• RM1K	-tiada-	
			• Geran	-tiada-	
			• Sumber lain	-tiada-	

2.0 SYARAT DAN KRITERIA PEMBIAYAAN

2.1 Syarat umum permohonan:

- i. Permohonan boleh dilakukan setelah mendapat **email penerimaan** daripada penerbit jurnal pada
 - a) tahun 2024, untuk penerbitan tahun 2025; atau
 - b) tahun 2025, untuk penerbitan tahun 2025 dan ke atas.
- ii. Staf Akademik (Pensyarah, Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor) perlu berstatus aktif (tidak termasuk cuti belajar, cuti sabatikal, cuti program pasca kedoktoran, cuti latihan/sangkut industri).
- iii. Staf Akademik bukan warga negara mesti berkolaborasi dengan Staf Akademik UTeM bertaraf tetap sebagai penulis bersama artikel.
- iv. Sekiranya penerbitan dibuat secara usaha sama dengan institusi luar dan pembayaran yuran telah dilaksanakan oleh agensi berkenaan, tuntutan pembiayaan yuran jurnal di UTeM tidak dibenarkan.
- v. Staf perlu menyelesaikan laporan akhir geran penyelidikan yang telah tamat terlebih dahulu sebelum memohon insentif tunai.

2.2 Jurnal yang dipilih perlu memenuhi kriteria berikut:

- i. **Digalakkan** penerbitan di jurnal berindeks SCOPUS/WOS yang mempunyai **sitasi tinggi** atau **sitasi minima 7** setiap tahun di pengkalan data Scopus [Rujuk Scopus Source]. **Penerbitan artikel jurnal di jurnal bersitasi mampu mewujudkan profil penyelidikan individu yang berkualiti (Citation, H-index, FWCJ).** Berindeks WOS adalah di WOS Core Collection SCIE/SSCI/AHCI/ESCI sahaja.
- ii. Penerbitan di jurnal berindeks WOS Q1/Q2 perlu di WOS Core Collection SCIE/SSCI sahaja.
- iii. Penerbitan di jurnal senarai ERA digalakkan mengikut bidang artikel jurnal.
Contoh(Yang Tidak Digalakkan):
Artikel Jurnal dalam bidang Kejuruteraan, terbit di Jurnal dalam bidang Sains Sosial.
- iv. Jurnal TIDAK tersenarai dalam “Discontinued Sources from SCOPUS” atau jurnal yang DILARANG oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- v. Jurnal dalam kategori bidang fakulti masing-masing.
Contoh: Penerbitan FTKE/FTKEK di kategori Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Scopus – Electrical & Electronics Engineering).

2.3 **Artikel jurnal** yang diterbitkan perlu menepati kriteria berikut:

- i. Pemohon merupakan **penulis koresponden**, ataupun sebagai **penulis pertama UTeM** dalam senarai kedudukan kepengarangan.

Contoh:

Penulis Koresponden UTeM: penulis-1, **staf utem-2***,penulis-n dan/atau*

*Penulis Pertama UTeM: **staf utem-1**, penulis-2,penulis-n**

Penulis Pertama UTeM: penulis-1, **staf utem-2**,penulis-n**

Penulis Pertama UTeM: penulis-1, penulis-2, **staf utem-3**,penulis-n**

Penulis Pertama UTeM: penulis-1, penulis-2, **staf utem-n***

- ii. Bilangan maksimum penulis koresponden adalah tiga. Penulis koresponden perlu dari afiliasi yang berbeza.
- iii. Penulis koresponden UTeM perlu menggunakan email rasmi universiti.
- iv. Menyatakan afiliasi rasmi Universiti iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan nama rasmi Fakulti.
- v. Gabungan afiliasi menerusi kerjasama penyelidikan bersama universiti dalam negara, universiti luar negara dan/atau industri.
- vi. **Digalakkan** penghargaan mempunyai nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan mesti mempunyai nama pemberi dana berserta nombor geran penyelidikan. Susunan penghargaan kepada agensi yang terlibat perlu mengikut garis panduan pemberi dana.
- vii. Hasil kajian yang diterbitkan digalakan memberi impak kepada salah **SATU (1)** daripada 17 Matlamat di Matlamat Pembangunan Mampan (UNSDG).

3.0 TATACARA PERMOHONAN PEMBIAYAAN YURAN ERA/SCOPUS/Q1&Q2 (RM1K/RM1.5K/RM10K)

3.1 Permohonan pembayaran yuran artikel jurnal perlu menerusi URIS menerusi **Modul Journal Fee Application**.

3.2 Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik

- i. Manuskrip lengkap;
- ii. Bukti jurnal di SCOPUS/WOS/ERA;
- iii. E-mel penerimaan artikel jurnal oleh penerbit;
- iv. Invois / yuran.

3.3 Surat kelulusan akan diedarkan menerusi email kepada staf.

- 3.4 Staf perlu membuat permohonan pembayaran semula yuran menerusi SMKBv4 dan pengesahan bayaran akan dibuat oleh CRIM.

4.0 TATACARA PERMOHONAN INSENTIF TUNAI (RM2K)

- 4.1 Staf perlu mengisi borang permohonan **CRIM/INCENTIVE2025** yang boleh didapati di Laman Web CRIM.
- 4.2 Permohonan insentif perlu menerusi URIS menerusi Modul Journal Fee Application
- 4.3 Dokumen sokongan yang perlu dimuatnaik
- i. Manuskrip lengkap;
 - ii. Bukti jurnal di SCOPUS/WOS;
 - iii. E-mel penerimaan artikel jurnal oleh penerbit;
 - iv. Invois / yuran.
 - v. Borang permohonan **CRIM/INCENTIVE2025** yang telah disemak.
- 4.4 Surat kelulusan akan diedarkan menerusi email kepada staf.
- 4.5 CRIM akan membuat permohonan pembayaran di SMKBv4 untuk pembayaran insentif kepada staf.

5.0 PEMANTAUAN

- 5.1 Staf akademik perlu memastikan artikel jurnal diterbitkan serta bertanggungjawab untuk merekodkan artikel jurnal di URIS (Modul *Research Output*).
- 5.2 **Tuntutan semula yuran artikel jurnal dan insentif tunai** yang dibayar oleh Universiti akan dilaksanakan sekiranya:
- a) Artikel gagal diterbitkan pada tahun 2025/2026.
 - b) Artikel berstatus '*Retracted*' di pengkalan data SCOPUS/WOS.
- 5.3 Bayaran tuntutan dilaksanakan melalui bayaran terus ke Akaun UTeM atau melalui pemotongan gaji. Sekiranya bayaran dibuat terus ke Akaun UTeM, staf bertanggungjawab mengemukakan resit bayaran sebagai bukti bayaran telah dibuat.

6.0 PENAFIAN

- 6.1 Universiti berhak untuk mengubah, meminda, atau menamatkan mana-mana syarat dan ketetapan dalam garis panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
- 6.2 Pemberian yuran artikel jurnal dan insentif tunai adalah tertakluk kepada kelulusan pihak universiti serta bergantung kepada peruntukan kewangan semasa. Universiti tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, atau implikasi yang timbul akibat daripada kebergantungan kepada maklumat dalam garis panduan ini.